

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

5 March 2016

Wanita, Pemuda UMNO kesal tindakan Tun M

UM - 5/3/2016

KOTA KINABALU 4 Mac - Pergerakan Wanita UMNO melahirkan rasa kecewa dan kesal dengan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad termasuk beberapa tokoh UMNO yang sanggup bersekongkol dengan pembangkang untuk menjatuhkan kepimpinan utama negara.

Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, deklarasi 'Selamatkan Malaysia' yang kononnya dilafazkan Dr. Mahathir membuktikan bekas Perdana Menteri itu mencabul semua prinsip yang dipegang dan diperjuangkan semasa menjadi pemimpin di dalam UMNO.

"Kita merujuk kepada deklarasi yang mana Tun (Dr. Mahathir) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta beberapa pihak yang lain yang sekian lama menjadi musuh ketat mereka (pembangkang) berkumpul dalam cubaan menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Dengan penuh rasa kecewa dan kesal, kita mengesahkan tindakan mereka yang sanggup bersekongkol dengan pembangkang kerana dendam kesumat dan kepentingan peribadi," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Pergerakan Wanita UMNO di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Dr. Mahathir berserta beberapa tokoh dalam UMNO, bersekongkol dengan pemimpin pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) anti-kerajaan menandatangani deklarasi untuk menyingkirkan Najib secara tidak demokratik.

Shahrizat memberitahu, untuk itu Pergerakan Wanita UMNO mengambil ketetapan sebulat suara memberikan sokongan penuh dan tidak berbelah-bahagi kepada Najib yang dipilih secara demokrasi untuk terus mentadbir dan memimpin negara serta UMNO.

"Wanita UMNO meminta Datuk Seri (Najib) untuk terus memberi perhatian kepada agenda pembangunan negara dan kesejahteraan

rakyat. Biar rakyat menentukan siapa yang akan dipilih menerajui negara pada pilihan raya akan datang," tambahnya.

Sementara itu, di Kuala Lumpur, Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, perbezaan pendapat merupakan perkara biasa dalam politik namun tindakan berkongsi pentas dengan pihak lawan sehingga mengetepikan segala pendirian sebelum ini adalah suatu yang amat mengecewakan.

Tegasnya, keadaan itu menandakan politik 'matlamat menghalalkan cara' yang wajar ditolak.

"Mereka yang berkongsi pentas dengan Tun Dr. Mahathir ini jugalah yang beliau telah menentang selama kerjayanya yang cukup lama.

"Kami akan terus memberi sokongan penuh kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Najib untuk memimpin parti dan kerajaan. Kami yakin program transformasi Datuk Seri Najib akan berjaya mengekalkan kestabilan politik, menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat," katanya.

Khairy berkata, Dr. Mahathir dan rakan-rakannya sedia maklum bahawa penentuan bagi siapa yang akan menerajui kerajaan tidak boleh dibuat pada satu sidang media mahupun melalui kempen menandatangani memorandum.

"Dalam sistem demokrasi, penentuan itu hanya boleh dibuat pada pilihan raya melalui mandat pengundi. Jika mereka tidak puas hati, kami cadangkan mereka bergabung dalam satu perikatan politik rasmi dan berdepan dengan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum kelak.

"UMNO dan BN akan terus berkhidmat demi rakyat dalam menjayakan program transformasi Datuk Seri Najib dan agenda nasional Rancangan Malaysia ke-11. Kami tiada masa untuk berpolitik kerana yang lebih utama adalah usaha yang dijalankan oleh kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Najib untuk menjaga kebajikan rakyat," katanya.



SHAHRIZAT
ABDUL JALIL



KHAIRY JAMALUDDIN